

UPM mahu perluas skop penyelidikan

» Kerjasama dengan universiti
Jepun bawa manfaat

**Luqman Arif
Abdul Karim**

luqman.arif@bh.com.my

► Fukuoka, Jepun



Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Kolej 13 bercadang memperluas skop penyelidikan dalam beberapa sektor seperti pemuliharaan alam sekitar, kejuruteraan pertanian dan pendidikan psikologi di Jepun.

Penyelaras Mobiliti Dasar Pandang Ke Timur Siri Ketiga UPM, Mawardi Mahusin, berkata Kitakyushu menyediakan pelbagai peluang melanjutkan pelajaran dalam pengkhususan yang kurang ditawarkan di Malaysia, selain berupaya memperincikan skop penyelidikan.

Katanya, perancangan jangka panjang itu boleh dilaksanakan berteraskan kemudahan teknologi, pemberian dana dan kerjasama UPM dengan Institut Teknologi Kyushu (KYUTECH) menerusi memorandum persefahaman (MoU)



Peserta melawat Muzium Alam Sekitar Kitakyushu bagi mempelajari sejarah dan perkembangan penyelidikan di Fukuoka, kelmarin.
(FOTO LUQMAN ARIF ABDUL KARIM/BH)

yang ditandatangani 8 Mac 2013.

"Kitakyushu terkenal dengan kejayaan melaksanakan dasar pemuliharaan alam sekitar selepas dilanda pencemaran teruk pada tahun 1960, ketika zaman perindustrian Jepun sehingga menyaksikan ekosistem dan kualiti udara melangkaui tahap merbahaya.

Pertingkat kerjasama

"Justeru, pendekatan sama boleh digarap untuk diguna pakai di Malaysia menerusi penyelidikan yang dijalankan pelajar UPM, merangkumi kesinambungan pelbagai bidang seperti kejuruteraan pertanian dan alam sekitar.

"Ini antara manfaat yang diperolehi selepas UPM menandatangani MoU dengan KYUTECH bagi mempertingkatkan kerjasama kedua-dua pihak, khususnya dalam pertukaran teknologi dan skop kajian supaya memacu kualiti pendidikan," katanya selepas lawatan ke Muzium Alam Sekitar Kitakyushu di sini, semalam.

Seramai 17 pelajar Kolej 13 UPM yang merangkumi pelbagai program pengajian, antaranya alam sekitar, pertanian, ekologi manusia, perhutanan dan pendidikan psikologi, menyertai Mobiliti Dasar Pandang Ke Timur Siri Ketiga di KYUTECH, sejak 31 Ogos lalu

sehingga 13 September ini.

Selain meneroka peluang melanjutkan pelajaran dan menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang pengajian, program yang digagaskan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, itu bertujuan memacu kualiti pendidikan, sekali gus melahirkan graduan berdaya saing, holistik dan berketrampilan.

Program mobiliti yang dikendalikan Kolej 13, UPM sejak tahun 2011, menyaksikan 300 pelajar-pelajarnya dihantar ke negara ini untuk menimba pengalaman dan mempelajari sosiobudaya masyarakat negara matahari terbit itu.